

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	18/1/2012

Ke arah mempromosi gerakan kesederhanaan, keseimbangan - PM

Institut Wasatiyah ditubuh



NAJIB Tun Razak berucap pada majlis persidangan antarabangsa mengenai Gerakan Kesederhanaan Global 2012 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, semalam. UTUSAN/MOHD. NAJIB MOHD. NOR

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL
penganrang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 17 Jan. Penubuhan Institut Wasatiyah yang diumumkan oleh Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini merupakan salah satu inisiatif terbaru kerajaan mempromosikan gerakan kesederhanaan dan keseimbangan dalam semua aspek kehidupan.

Selain institut itu yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, Najib turut mengumumkan penubuhan Kursi Wasatiyah di Universiti Malaya (UM) serta Yayasan Pergerakan Kesederhanaan Global.

"Penubuhan Institut Wasatiyah itu nanti akan berperanan memberi tumpuan terhadap aspek kesederhanaan dan keseimbangan menerusi rasa hormat terhadap demokrasi, peraturan dan undang-undang, pendidikan, maruah dan harga diri seseorang serta keadilan-sosial," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Pergerakan Kesederhanaan Global di sini hari ini.

Persidangan yang julung kali diadakan itu berlangsung selama tiga hari bermula hari ini dan dihadiri oleh kira-kira 300 delegasi dari dalam dan luar negara termasuk pemimpin-pemimpin utama dunia.

Dianjurkan oleh Persatuan Alumni Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), persidangan itu akan mengupas mengenai aspek kesederhanaan menerusi 13 topik berkaitan termasuk kewangan global, keamanan sosial dan polisi luar.

Pada majlis sama, Najib turut melancarkan buku berjudul Global Movement of Moderates yang merupakan hasil nukilan beliau sendiri dan akan diterbitkan oleh Razak School of Government.

Beliau menambah, penubuhan Kursi Wasatiyah di UM bertujuan melahirkan lebih ramai sarjana dan cendekiawan yang menerajui

'Penubuhan Institut Wasatiyah itu nanti akan berperanan memberi tumpuan terhadap aspek kesederhanaan dan keseimbangan menerusi rasa hormat terhadap demokrasi, peraturan dan undang-undang, pendidikan, maruah dan harga diri seseorang serta keadilan sosial

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

semangat kesederhanaan dan keseimbangan seperti tokoh Islam terkemuka al-Imam Ibnu Qayyim dan pemegang kursi itu akan diumumkan dalam masa terdekat.

Penubuhan Yayasan Pergerakan Kesederhanaan Global pula jelas beliau, bagi mengangkat peranan GMM sebagai pusat penyatuan kepada usaha menentang keganasan dan ekstremis sama ada yang digerakkan oleh agensi kerajaan atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Selain menjadi inisiatif eksklusif yang digerakkan oleh Malaysia, GMM juga akan menyokong inisiatif lain yang digerakkan oleh badan antarabangsa ke arah mempromosikan gerakan kesederhanaan dan keseimbangan termasuk dialog dan kerjasama sama seperti United Nations Alliance of Civilisations (UNOAC)," katanya.

Dalam ucapannya juga, Perdana Menteri memberi penekanan terhadap gerakan kesederhanaan

atau wasatiyah bukanlah bermaksud perlu menjadi lemah atau mengalah sebaliknya semakin berani untuk melangkah ke depan dan mencipta sesuatu yang lebih baik.

Lebih daripada itu, kata beliau, kesederhanaan dan keseimbangan juga merupakan pendekatan terbaik dalam menolak fahaman ekstremis kerana keganasan tidak boleh diidap dengan keganasan kerana ia hanya akan mengakibatkan lebih banyak kemusnahan.

"Fahaman ekstremis tidak pernah dialu-alukan dalam mana-mana agama dan sejarah juga tidak pernah dicatatkan oleh mereka yang menyokong amalan ekstremis sebaliknya oleh mereka yang kekal pada landasan perjuangan kesederhanaan dan keseimbangan tanpa mengorbankan kepercayaan mereka," katanya.

Dalam hubung kaitnya dengan ekonomi pula, Najib berkata, amalan kesederhanaan dan keseimbangan bermaksud pasaran tidak boleh dibenarkan bersifat bebas dan neutral serta membawa pulangan yang tidak adil dan saksama kepada semua pihak.

"Malah dalam ajaran Islam sendiri, struktur dan prinsip lewangan Islam telah lama meletakkan kepentingan awam lebih tinggi daripada kepentingan peribadi," katanya.